

AMANAT YB DATUK HJ.HAJIJI HJ.NOOR, MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN DI BALLROOM 2, LEVEL 2, THE PACIFIC SUTERA, KK PADA 4 APRIL 2008 (JUMAAT) JAM 2.30 PETANG

YB En. Edward Yong Oui Fah, Pembantu Menteri

YB Datuk Gulam Khan Bahadar, Pembantu Menteri

YB Hj. Ariffin Hj. Mohd. Ariff, Presiden MHEANS

Y.Bhg Datuk Ujang Sulani, Setiausaha Tetap KKTP

Y.Bhg Datuk Ilyas Ibrahim, Mayor Dewan Bandaraya

Kota Kinabalu

Dif-Dif Jemputan,

Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.....

Terlebih dahulu marilah kita sama-sama bersyukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinnya jua kita dapat berkumpul dan berjumpa dalam satu majlis yang amat bermakna pada hari ini. Saya juga bersyukur dapat sekali lagi kembali bertugas menerajui Kementerian ini bagi penggal kedua. Maka dalam kesempatan ini saya ingin sekali lagi menekankan betapa pentingnya kerjasama erat dan sokongan padu tuan-tuan dan puan-puan kepada kerajaan hari ini dengan memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

Saudara-saudari yang dihormati sekalian,

Pilihan Raya Umum yang Ke-12 pada 8 Mac lalu telah menyaksikan keputusan rakyat Negeri Sabah untuk sekali lagi memberikan mandat yang kuat dan sokongan yang padu terhadap Kerajaan Barisan Nasional Negeri ini dibawah pimpinan YAB Datuk Seri Panglima Musa Hj Aman. Walau bagaimanapun di peringkat nasional nampaknya terdapat suatu perubahan iklim dan lanskap politik yang agak ketara. Hasil daripada Pilihan Raya tersebut, Kerajaan Barisan Nasional di peringkat Persekutuan telah kehilangan majoriti dua pertiga dan kini terdapat lima buah negeri di Semenanjung yang diperintah oleh gabungan parti pembangkang. Ini merupakan satu cabaran baru yang perlu kita hadapi. Negeri-negeri yang ditadbir oleh pihak lain ini akan menjadi perbandingan untuk menilai kecekapan dan keberkesanan pentadbiran kerajaan di peringkat negeri-negeri. Bukan sahaja rakyat secara umumnya bahkan para pelabur, peniaga dan pelancong yang datang ke negara kita ini akan melihat dan membanding di antara negeri-negeri yang dikuasai oleh Kerajaan Barisan Nasional dengan negeri-negeri yang dikuasai oleh kerajaan pembangkang yang manakah lebih cekap, cepat, telus dan bersih pentadbirannya. Dalam Pilihan Raya tersebut pihak pembangkang telah menjanjikan pentadbiran yang cekap, telus dan mengutamakan kesejahteraan rakyat melalui Manifesto Pilihan Raya yang menawarkan Kerajaan

Berkebjikan.

Dengan senario yang sedemikian maka Kerajaan Barisan Nasional, khususnya Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sabah perlulah membuktikan bahawa keputusan rakyat untuk terus berdiri teguh di belakang Barisan Nasional dalam pilihan raya tersebut adalah suatu keputusan yang tepat dan bijaksana. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan supaya bukan sahaja apa jua janji-janji kerajaan dalam Manifesto Pilihan Raya dan dasar-dasar atau program-program lain yang telah diluluskan oleh Kerajaan akan dilaksanakan dengan jayanya, tetapi juga memikirkan apa jua program-program baru yang boleh diperkenalkan demi untuk meningkatkan lagi kemajuan dan kesejahteraan rakyat di Negeri ini.

Dalam hubungan itu maka dalam kesempatan ini saya sukalah menggariskan beberapa perkara yang tuan-tuan selaku peneraju pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan perlu jadikan panduan dan mengambil tindakan sebagai suatu keutamaan seperti berikut:

Pertama, dengan cabaran yang saya sebutkan tadi maka bermakna kini tidak lagi memadai bagi tuan-tuan hanya meneruskan apa jua usaha-usaha baik yang tuan-puan lakukan selama ini, sebaliknya tuan-puan hendaklah melipatgandakan lagi segala usaha-usaha tersebut untuk meningkatkan tahap prestasi PBT yang tuan-puan masing-masing terajui ke tahap yang lebih tinggi dalam semua bidang. PBT yang tahap prestasinya kini memuaskan hendaklah dipertingkatkan ke tahap yang cemerlang. PBT yang kini tahap prestasinya cemerlang hendaklah pula dipertingkatkan lagi ke tahap yang gemilang.

Kedua, untuk menjamin daya saing PBT tuan-puan masing-masing dalam menarik pelabur dan pelancong ke daerah tuan-puan masing-masing, kecekapan sistem penyampaian PBT hendaklah dipertingkatkan. Dalam hubungan ini saya ingin supaya perkara-perkara berikut diberi keutamaan:

1. Kelulusan Pelan Pembangunan (DP), Pelan Bangunan (BP) dan Sijil Pendudukan (OC) hendaklah dipercepatkan bukan dengan cara mengabaikan dasar dan peraturan yang penting tetapi melalui pemprosesan yang cepat. Dalam hubungan ini, Kementerian telah mengeluarkan Garis Panduan penubuhan Pusat Sehenti (OSC) di peringkat PBT dan Senarai Semak proses kelulusan yang menetapkan tempoh 10 minggu bagi DP, 4 minggu bagi BP dan 4 minggu bagi OC. Saya harap pematuhan terhadap Garis Panduan tersebut akan dipertingkatkan.
2. Kelulusan Lesen-Lesen Premis dan Permit PBT hendaklah dipercepatkan bukan sahaja melalui

pengurangan karenah birokrasi dan penyingkatan proses kerjanya tetapi juga dengan mempermudah aksesnya melalui laman web, di mana pemohon boleh memuat-turun borang-borang yang perlu diisi dan seterusnya boleh pula mengemukakan borang-borang berkenaan secara *on-line*.

Ketiga, tahap kebersihan, kesihatan awam dan keindahan atau keceriaan persekitaran hendaklah dipertingkatkan. Dalam era dunia tanpa sempadan yang menitik beratkan persekitaran yang sehat dan ditambah lagi dengan penekanan keatas penggalakan pelancongan ke Negeri ini aspek tersebut kini menjadi semakin bertambah penting. Oleh itu saya mahu PBT tuan-puan juga mengambil langkah-langkah berikut:

1. Kutipan sampah hendaklah dipastikan berjalan mengikut jadual yang telah ditetapkan dan dimaklumkan kepada penduduk-penduduk di semua kawasan yang berkenaan. Ini untuk memastikan supaya tidak ada sampah yang terbiar berlonggok tidak dikutip sehingga menyebabkan pencemaran bau busuk di semua kawasan berkenaan dan seterusnya menjejaskan kesihatan awam.
2. Parit longkang dalam bidangkuasa PBT hendaklah senantiasa diperiksa dan mana-mana yang tersumbat hendaklah dibersihkan segera untuk memastikan aliran air yang lancar dan dengan demikian mengelakkan berlakunya banjir kilat.
3. Rumput-rumput di kawasan lapang, taman permainan kanak-kanak dan di sepanjang jalan yang di bawah tanggungjawab PBT hendaklah senantiasa dipotong dan dibersihkan untuk memastikan keselamatan dan mengelakkan pemandangan yang menjolok mata.
4. Penanaman pokok-pokok teduhan dan hiasan dan landskap di sepanjang jalan dan di taman-taman awam hendaklah diberi keutamaan untuk mewujudkan persekitaran yang indah dan menyedapkan mata memandang.
5. Lampu-1ampu penerang dan lampu-lampu hiasan hendaklah diperbanyakkan bukan sahaja untuk meningkatkan tahap keselamatan tetapi juga untuk meningkatkan keindahan dan keceriaan persekitaran bandar di waktu malam.

Keempat, integriti pentadbiran dan pengurusan PBT hendaklah di pertingkatkan ketahap yang lebih tinggi agar meningkatkan kepercayaan, keyakinan dan penghormatan semua pihak terhadap PBT. Untuk itu tuan-puan selaku peneraju Pentadbiran PBT hendaklah mengambil tindakan-tindakan berikut:

1. Disiplin dan etika kerja semua pegawai dan kakitangan PBT hendaklah dipertingkatkan melalui peraturan pentadbiran yang jelas dan program-program motivasi dan kursus-kursus yang berkaitan. Dalam hubungan ini sayugia saya menekankan betapa pentingnya tuan-puan menunjukkan kepimpinan melalui teladan kerana pemimpin yang hanya pandai menasihati tetapi tidak menunjukkan contoh yang baik atau "*walk the talk*" tidak akan dapat menanamkan disiplin dan etika kerja yang baik di kalangan pengikutnya.
2. Pemberian tugas di kalangan kakitangan hendaklah dibuat secara jelas dan adil agar pegawai dan kakitangan dapat memahami tugas masing-masing dan dengan itu akan menjalankannya dengan penuh komitmen.

Saudara- saudari yang dihormati sekalian,

Saya faham semua itu bukanlah suatu perkara yang mudah dicapai namun saya mahu tuan-puan menyematkannya di hati sanubari tuan-puan masing-masing sebagai suatu landasan perjuangan tuan-puan selaku peneraju pentadbiran PBT. Untuk itu Kementerian pula akan mempertingkatkan usaha-usaha untuk memperkasakan PBT secara berterusan agar PBT dilengkapi sewajarnya untuk melaksana tindakan-tindakan yang diperlukan. Di samping itu, Kementerian akan memperkenalkan dasar- dasar, undang-undang, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan baru mengikut keperluan dari semasa ke semasa. Dalam hubungan ini sukacita saya mengumumkan bahawa Kementerian sudahpun mengambil langkah-langkah berikut:

1. Mengemaskini Peraturan-Peraturan Kakitangan PBT. Peraturan-Peraturan Kakitangan PBT 2008 sudahpun disiapkan dan dimajukan kepada saya untuk kelulusan. Ianya akan dilaksanakan sesudah saya menyemak dan berpuas hati terhadap kandungannya. Dengan berkuatkuasanya Peraturan baru tersebut maka perkhidmatan PBT akan menjadi Perkhidmatan Gunasama di kalangan semua PBT Sabah kecuali Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Ini akan memberi peluang kemajuan kerjaya dan pengalaman kerja yang lebih luas kepada pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di PBT,
2. Penyeragaman Peraturan Tetap dan Undang-Undang Kecil PBT untuk memudahkan PBT melaksanakan fungsi-fungsinya di samping meningkatkan kecekapan penguatkuasaan Undang-Undang Kecil tersebut di kalangan PBT seluruh negeri dengan adanya undang-undang yang seragam. Perkara ini sedang dimuktamadkan oleh Bahagian Perundangan Kementerian dan saya berharap ianya akan dapat dikuatkuasakan dalam masa yang terdekat ini.

3. Penyeragaman dan pengemaskinian Kaedah-Kaedah di bawah Ordinan Hiburan Awam. Kaedah-Kaedah Hiburan Awam 2007 sudahpun diluluskan. Jadi, dengan terlaksananya kaedah-kaedah tersebut nanti maka PBT bukan sahaja akan dapat meningkatkan kutipan hasil tetapi juga dapat mengawal aktiviti-aktiviti hiburan dengan lebih berkesan kerana melalui kaedah-kaedah tersebut aktiviti-aktiviti hiburan yang sebelum ini tidak termasuk dalam senarai bidangkuasa PBT kini semuanya sudah tercakup dalam kaedah-kaedah tersebut.
4. Pengwujudan jawatan-jawatan yang diperlukan di PBT masing-masing. Sejak beberapa tahun lalu Kementerian dengan kelulusan Kerajaan Negeri telah mewujudkan berbagai jawatan seperti Penolong Akauntan, Pegawai Penguatkuasa dan lain-lain lagi untuk meningkatkan keupayaan tenaga kerja PBT dalam melaksanakan fungsi-fungsinya.
5. Pembekalan peralatan yang diperlukan untuk mempersiapkan dan melengkapkan PBT menghadapi cabaran masa kini. Dalam hal ini sejak beberapa tahun lalu Kementerian telah membekalkan peralatan komputer untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran pejabat dan lori-lori sampah dan berbagai kenderaan lain untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan perbandaran kepada semua PBT di bawah Kementerian.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Menyedari bahawa gagasan Koridor Pembangunan Sabah PBT dianggap sebagai salah satu komponen penting dalam penyampaian perkhidmatan kerajaan yang boleh menentukan kejayaan pelaksanaan Koridor tersebut maka PBT tidak ada pilihan melainkan melaksana kesemua langkah-langkah yang saya gariskan itu sebagai suatu kemestian.

Sehubungan dengan itu maka Kementerian selaku agensi Pusat yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran Kerajaan Tempatan di negeri ini perlu pula bergerak selangkah di hadapan dalam mengawalselia pentadbiran PBT melalui usaha yang berterusan untuk mempertingkatkan kecekapan menyelesaikan urusan-urusan dengan PBT sama ada dari segi perjawatan, perundangan dan kewangan mahupun dari segi penyelarasan pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Dalam hal ini maka saya ingin pula berpesan kepada semua pegawai dan kakitangan Kementerian serta agensi-agensi di bawahnya supaya meningkatkan tahap profesionalisma dan dedikasi dalam menjalankan tugas masing-

masing kerana prestasi tuan-puan memberi kesan terhadap prestasi PBT sama ada secara langsung atau tidak. Jika agensi pusat cekap dalam memainkan peranannya maka cekaplah juga agensi-agensi di bawahnya.

Oleh itu saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menggesa semua pegawai dan kakitangan Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya supaya bersikap lebih proaktif dan lebih bertanggungjawab dan beramanah dalam menjalankan tugas masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kita harus memberi respon dan mengambil langkah untuk menangani isu-isu yang ditimbulkan oleh rakyat itu dengan pantas dan berkesan. Sistem dan budaya kerja kita harus diperkemaskan lagi. Usaha-usaha penambahbaikan yang berterusan haruslah diutamakan. Sumber insan atau tenaga kerja kita haruslah bersikap proaktif, dekilasi, berdisiplin dan berkemampuan dalam melaksanakan tugas-tugas mereka. Jurang dan hubungan di antara kita dengan orang awam haruslah dieratkan umpama “aur dengan tebing” yang sokong menyokong untuk mewujudkan suasana harmoni menjadi sumber kekuatan kita untuk menjadi sebuah negeri yang maju dan membangun.

Saya difahamkan Kementerian ini telahpun dalam persiapan akhir untuk memperkenalkan system indeks kecekapan utama atau KPI (*Key Performance Index*) dengan kerjasama MPC - *Malaysian Productivity Centre*. Saya percaya system KPI ini apabila dilaksanakan nanti akan mampu meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan PBT.

Dalam masa yang sama kita juga perlu melihat semua posisi Kementerian kita. Mungkin kita perlu mewujudkan semangat baru (rekamaya) atau “*re-engineering*”. Struktur pentadbiran kita harus diberi imej dan semangat baru. Kerana itu saya telah memberi cadangan kepada Kerajaan Negeri agar penstrukturan semula KKTP harus dibuat dengan mewujudkan Jabatan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perumahan Negeri Sabah sebagai sayap baru KKTP untuk memberikan perkhidmatan yang lebih bertenaga dan efektif. Ia secara tidak langsung akan membuka peluang baru kepada Pegawai dan kakitangan KKTP dalam perkembangan kareer mereka.

Oleh itu, saya berharap, kita di Kementerian ini dan agensi-agensi di bawahnya dapat mempersiapkan diri untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik. Setiap anggota Perkhidmatan Awam harus melengkapkan diri dengan kemahiran dan ketangkasan untuk memberi perkhidmatan yang bermutu dan berusaha menilaitambah (*value-adding*) diri kita secara berterusan. Kita harus bersedia dalam apajua keadaan dan berkorban masa dan tenaga memberi sumbangan dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan cemerlang kepada

rakyat dan negeri kita khususnya dan Negara amnya.

Marilah kita sama-sama menanamkan sikap dan minda kelas satu yang memiliki nilai tambah diri dari segi kemahiran bertugas, disiplin, dedikasi, berilmu, beretika dan rajin agar kita mampu menjadikan diri kita sebagai rakyat yang maju dan anggota perkhidmatan awam yang cekap dan cemerlang. Nilai-nilai seumpama amat perlu dalam era globalisasi ini di mana kemajuan ekonomi negeri ini dipengaruhi oleh pasaran luar yang lebih luas dan berpotensi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya telah tegaskan akan cabaran-cabaran yang akan kita lalui dalam perkhidmatan kita. Saya telah ulangi perlunya kita menanamkan sikap dan budaya kerja cemerlang. Kita menghadapi peningkatan kehendak rakyat dan peningkatan keperluan daya saing dalam era dunia tanpa sempadan ini (*increasing need to remain competitive*). Semua ini amat perlu kita lalui dan memerlukan hubungan kerjasama yang erat dan kuat di antara semua pihak dalam perkhidmatan awam, pihak swasta dan juga rakyat Sabah keseluruhannya.

Saya yakin bahawa sebagai anggota Perkhidmatan Awam yang berwibawa tinggi, tuan-tuan dan puan-puan akan mampu bangun dan berkhidmatan dengan komitmen yang baru yang pelbagai kreativiti.

Akhir kata saya mengucapkan terima kasih dan syabbas atas kehadiran Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan dalam majlis ini dan berdoa agar Kementerian kita ini akan terus menjadi sebuah organisasi yang memiliki kecekapan yang tinggi dan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik demi kemajuan dan kepentingan negeri Sabah dan rakyatnya.

Sekian, terima kasih.....